



MARA
Majlis Amanah Rakyat

PELUANG KERJAYA BERSAMA MARA

1. a) Jawatan : Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
b) Nama Agensi : Majlis Amanah Rakyat (MARA)
c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
d) Klasifikasi Perkhidmatan : Pendidikan

2. **Jadual Gaji :**

Gred Gaji	Gaji Minimum (RM sebulan)	Gaji Maksimum (RM sebulan)	Kadar KGT (RM)
DG9	2,250.00	11,110.00	225.00

3. **Taraf Jawatan :**

- Tetap - Bagi calon yang mempunyai ikhtisas pendidikan.
Kontrak - Bagi calon yang tidak mempunyai ikhtisas pendidikan.

4. **Penaklukan di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan :**

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

5. **Subjek dan Penempatan :**

Bil.	Subjek	Penempatan	Kekosongan
1.	Bahasa Jepun	MARA-Japan Industrial Institute Beranang, Selangor	1
2.	Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik	Maktab Rendah Sains MARA Bentong, Pahang	1

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN:
06 MAC 2026**

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah seorang **warganegara Malaysia**.
2. Calon hendaklah berumur **tidak kurang dari 18 tahun** pada tarikh tutup iklan jawatan.
3. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya **Gred C**) dalam subjek **Bahasa Melayu** pada peringkat **Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia** atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
4. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - i. **Ijazah Sarjana Muda** dalam bidang berkaitan dan Diploma Pendidikan atau Diploma Pascasiswazah Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DG9: RM2,360.00); atau
 - ii. **Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian** yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DG9: RM2,580.00); atau
 - iii. **Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian** dalam bidang berkaitan dan Diploma Pendidikan atau Diploma Pascasiswazah Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DG9: RM2,580.00); atau
 - iv. **Ijazah Sarjana** dalam bidang berkaitan dan Diploma Pendidikan atau Diploma Pascasiswazah Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DG9: RM3,130.00); atau
 - v. **Ijazah Kedoktoran** dalam bidang berkaitan dan Diploma Pendidikan atau Diploma Pascasiswazah Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DG9: RM3,460.00).

SYARAT LAIN

1. Syarat – syarat khas sebagai tambahan kepada syarat lantikan yang telah ditetapkan adalah seperti berikut :

Bil.	Syarat Khas	Keterangan
1	Umur	Tidak melebihi 35 tahun
2	Keputusan SPM bagi subjek berikut: i. Bahasa Inggeris ii. Matematik iii. Sejarah	Sekurang - kurangnya kepujian
3	CGPA peringkat Ijazah Pertama	3.0 dan ke atas atau setara
4	Pengkhususan Ijazah	Hanya ijazah yang bertepatan dengan subjek yang dimohon sahaja akan dipilih.

2. Semakan kesetaraan CGPA peringkat ijazah pertama boleh dibuat melalui laman web berikut :
- <https://www.scholaro.com/gpa-calculator/>
3. Semakan pengiktirafan kelayakan akademik boleh dibuat melalui laman web berikut :
- <https://www2.mqa.gov.my/mqr/> ; atau
 - <https://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm>
4. Pemohon yang memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang-bidang berkaitan **tanpa Pendidikan atau Diploma Pendidikan** juga boleh memohon. Walau bagaimanapun kelulusan pelantikan adalah tertakluk kepada kelulusan Agensi Pusat.
5. Pemohon perlu memiliki Ijazah Sarjana Muda atau Surat Senat yang bertarikh **pada atau sebelum tarikh tutup permohonan**.

CARA MEMOHON

1. Permohonan hanya boleh dibuat secara dalam talian melalui **portal pekerjaan Jobstreet** seperti berikut :

Pautan Portal Pekerjaan : <https://my.jobstreet.com/companies/majlis-amanah-rakyat-mara-168559323392080/jobs>

Tarikh Buka : **24 Februari 2026 (Selasa)**

Tarikh Tutup : **06 Mac 2026 (Jumaat) (Sebelum 11:59 malam)**

2. Permohonan yang dibuat **melalui pautan portal pekerjaan yang dinyatakan sahaja** akan diterima. Permohonan lewat atau tidak mematuhi syarat yang dinyatakan akan ditolak.

KAEDAH PELAKSANAAN

1. Permohonan yang diterima akan disaring berasaskan syarat lantikan dan syarat lain yang telah ditetapkan.
2. Pemohon yang melepasi saringan akan dipanggil untuk mengikuti Ujian MyPersonaliti.
3. Pemohon yang berjaya dalam Ujian MyPersonaliti sahaja akan dipanggil untuk mengikuti proses penilaian seterusnya iaitu MARA Assessment Center (MAC).
4. Pemohon yang lulus proses penilaian MAC akan ditawarkan jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG9 secara lantikan tetap / kontrak.
5. Pemohon yang tidak menerima sebarang maklum balas **dalam tempoh tiga (3) bulan** dari tarikh iklan ini dikeluarkan hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.
6. Sebarang pertanyaan lanjut boleh hubungi:
Unit Pengambilan dan Penempatan
Telefon : 03-26135011 / 03-26135016
E-mel : urusetiauppbasm.ppp@mara.gov.my

PENGARAH
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA MARA
TINGKAT 18, IBU PEJABAT MARA
21, JALAN MARA
50609 KUALA LUMPUR.